

PERALIHAN KUASA DI MALAYSIA

'Jahil Perlembagaan Malaysia'

Orang asing tidak wajar label situasi perubahan kuasa kerajaan di Malaysia sebagai rampasan kuasa istana

Oleh NURHIDAYAH HAIROM dan RAIHAM SANUSI

SHAH ALAM

Pihak media antarabangsa yang melabelkan situasi perubahan kuasa kerajaan di Malaysia sebagai ‘rampasan kuasa istana’ adalah mereka yang jahil tentang Perlembagaan yang telah termaktub di negara ini.

Profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Zaid Ahmad berkata, orang luar tidak wajar untuk membuat kenyataan sedemikian apatah lagi proses perubahan kuasa tersebut telah berlangsung secara aman.

“Kalau nak disifatkan sebagai rampasan kuasa, itu menunjukkan mereka memang jahil tentang Perlembagaan kita.

“Kita adalah sebuah negara merdeka yang berdaulat yang mengamalkan demokrasi berpar-



The screenshot shows a news article from The Guardian. At the top, there are buttons for 'Support The Guardian' (Contribute →, Subscribe →), a search bar, and a sign-in option. Below that is a navigation menu with News, Opinion, Sport, Culture, Lifestyle, and More. Under Opinion, there's a sub-menu for Malaysia. The main headline reads 'The Guardian view on a royal coup: a king overturns a historic election'. Below the headline is an 'Editorial' section. A small image of a man in a suit is visible at the bottom left. The date 'Tuesday 3 March 2020' is at the bottom right.

Tangkap layar laporan akhbar *The Guardian* kelmarin.

limen dan Raja Berperlembagaan.

“Isu yang berlaku ini membuktikan raja benar-benar menjadi institusi yang terpenting. Institusi Raja Berperlembagaan dan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara telah memainkan peranan yang penting untuk menenangkan dan mengawal keadaan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Zaid berkata, orang luar tidak

boleh melihat Malaysia dari sudut acuan mereka sendiri sebaliknya perlu melihatnya berasaskan kepada lunas undang-undang dan acuan sistem politik Malaysia.

“Ini perkara yang diizinkan dalam undang-undang kita. Ia tak ada salah. Cuma bagi ahli politik, bagi pihak yang kehilangan kuasa dia rasa itu rampasan kuasa,” katanya.

Beliau berkata, dunia sepa-



ZAID



SALAWATI

tutnya dapat menilai apa yang berlaku ini secara positif dengan melihat bagaimana Seri Paduka dengan tenang bertemu dengan rakyat (media) ketika krisis politik itu.

“Ini satu yang sangat unik di Malaysia yang Seri Paduka tunjukkan kepada dunia bahawa kita memang mempunyai kemampuan untuk uruskan situasi seperti ini,” katanya.

Sementara itu, Pakar Undang-undang Antarabangsa, Profesor Madya Dr Salawati Mat Basir berkata, pihak antarabangsa diingatkan supaya tidak memperlekeh dan memburukkan institusi beraja di Malaysia.

“Ini adalah satu fitnah kepada institusi diraja kita yang dilakukan akhbar asing. Tidak wajar orang asing menulis tentang apa yang berlaku dalam sebuah negara lain jika dia tidak faham.

“Ini memburukkan nama in-

stitusi diraja kita. Jadi kita desak mereka tarik balik laporan itu dan minta maaf kepada Yang di-Pertuan Agong, institusi diraja dan kerajaan Malaysia,” katanya.

Salawati memberitahu, apa yang ditulis itu tersasar dan terpesong daripada keadaan sebenar yang berlaku di negara ini.

“Perbuatan akhbar asing ini boleh mengeruhkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Tidak sepatutnya mereka menulis mengenai perkara yang mereka tidak tahu dan tidak faham.

“Harus difahami bahawa Seri Paduka masuk ke dalam krisis politik itu setelah tidak ada jalan penyelesaian antara parti-parti politik (untuk menentukan Perdana Menteri kelapan) dan sudah termaktub hak institusi diraja dalam Perlembagaan mengenai perkara itu,” katanya.

Menerusi laporan yang disarkan kelmarin, *The Guardian* dipetik berkata, tumbangnya kerajaan Pakatan Harapan (PH) minggu lepas yang menyaksikan UMNO kembali memerintah melalui pakatan pimpinan Muhyiddin kerana rampasan kuasa istana.